

LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI
RASA AYAMAS CORPORATION CAWANGAN
BATU CAVES SELANGOR

NORAZLIZA BT ZAKARIA
Sarjana Muda Pengurusan (Pemasaran)

JABATAN PENGURUSAN DAN PEMASARAN
FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
KOLEJ UNIVERSITI SAINS DAN TEKNOLOGI MALAYSIA
(KUSTEM)

2005

Perbadanan
Kolej Universiti Sains Dan Teknologi Malaysia (KUSTEM)

1100039360

LI 48 FPE 4 2005



1100039360

Laporan akhir latihan industri di Rasa Ayamas Corporation, Batu Caves / Norazliza Zakaria.

PERPUSTAKAAN

**KOLEJ UNIVERSITI SAINS & TEKNOLOGI MALAYSIA
21030 KUALA TERENGGANU**

1100039360

Lihat sebelah

HAK MILIK
PERPUSTAKAAN KUSTEM

**LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI
RASA AYAMAS CORPORATION CAWANGAN
BATU CAVES SELANGOR**

Oleh

**NORAZLIZA BT ZAKARIA
SARJANA MUDA PENGURUSAN
(PEMASARAN)**

**Laporan Akhir Latihan Industri Diserahkan
Kepada**

**Jabatan Pengurusan Dan Pemasaran
Fakulti Pengurusan Dan Ekonomi
Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia
(KUSTEM)**

2005

1100039360

PENGESAHAN KEASLIAN LAPORAN

Dengan ini saya Norazliza Binti Zakaria


Mengaku bahawa laporan Latihan Industri bagi kursus PGN 4799 adalah hasil usaha saya sendiri. Segala bentuk penulisan yang terkandung dalam laporan ini adalah merupakan pandangan dan pendapat saya yang berasaskan kepada pengaplikasian teori dan pengalaman yang dipelajari semasa menjalani Latihan Industri semata-mata. Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE),KUSTEM tidak terikat dengan isi kandungan laporan tersebut.

Tandatangan

Nama: Norazliza Binti Zakaria

Tarikh:

Disahkan Oleh:



Azlinzuraini Ahmad
Pensyarah
Jabatan Pengurusan dan Pemasaran
Fakulti Pengurusan dan Ekonomi
Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia
(KUSTEM)
Mengabang Telipot
21030 Kuala Terengganu

Penyelia KUSTEM
B/P Pengurus Latihan Industri
Fakulti Pengurusan dan Ekonomi
KUSTEM

PRAKATA

Latihan praktikal adalah salah satu syarat yang telah diwajibkan oleh pihak Pengurusan FPE kepada pelajar S.M Pengurusan Pemasaran untuk mereka bergraduat. Tempoh yang diberikan kepada pelajar untuk membuat Latihan Industri adalah 12 minggu.

Para pelajar dikehendaki menjalani latihan praktikal di syarikat-syarikat atau kilang-kilang yang difikirkan sesuai bagi pelajar pemasaran. Pelajar telah diberi peluang untuk memilih syarikat atau kilang untuk mereka melaksanakan Latihan Industri mereka. Rasionalnya diwajibkan para pelajar dikehendaki menjalani Latihan Industri ini adalah:

- Mendedahkan kepada para pelajar suasana kerja sebenar yang semakin mencabar.
- Meluas dan menambahkan pengetahuan teknikal dan kemahiran pelajar secara lansung dan tidak lansung
- Memberi peluang kepada pelajar menggunakan teori yang dipelajari ke dalam suasana kerja
- Meluaskan pergaulan dan interaksi dengan masyarakat luar di sektor industri
- Menilai kebolehan diri para pelajar di alam pekerjaan untuk persediaan menghadapi alam pekerjaan sebenar selepas menamatkan pengajian.

- Membuka peluang kepada pelajar untuk mendapatkan pekerjaan melalui hubungan yang telah terjalin dengan bakal majikan.
- Mewujudkan hubungan kerjasama yang erat antara pelajar, fakulti, agensi kerajaan dan pihak industri. Dalam jangka masa yang sama diharap hubungan baik ini akan berterusan dan dapat membentuk serta mengembangkan satu kurikulum yang sesuai untuk keperluan permintaan tenaga kerja dalam sektor industri.

Oleh itu, dengan berbekalkan pengetahuan dan semangat yang kental, diharap pelajar dapat menimba seberapa banyak pengalaman dengan menumpukan sepenuh minat dan tumpuan terhadap tanggungjawab yang telah diamanahkan oleh pihak industri.

Akhir sekali, dengan tamatnya Latihan Industri ini, para pelajar boleh menilai kemampuan diri dengan membentuk keyakinan kental bagi menghadapi alam kerja sebenar yang penuh cabaran dan dugaan. Berbekalkan pengalaman dan ilmu yang dipelajari, harapan saya semoga akan lahir lebih ramai lagi jentera penggerak dalam bidang ini bagi mengharungi arus globalisasi dunia sekarang ini bagi membela nasib bangsa dan agama.

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, pertama sekali saya memanjatkan syukur ke hadrat Illahi kerana dengan limpah dan kurnia-NYA dapat juga saya melaksanakan amanah yang telah diberikan dan tugas Latihan Industri saya dengan jayanya tanpa sebarang masalah. Sesungguhnya tanpa restu dan keizinan-NYA sudah tentu Latihan Industri ini tidak dapat disiapkan dengan sempurna.

Jutaan terima kasih kepada pihak Syarikat Ayamas Food Corporation Sdn.Bhd, kerana membenarkan saya menimba pengalaman yang tidak ternilai terutamanya kepada pihak pengurusan Tertinggi dan pihak operasi serta seluruh kakitangan dan warga kerja Rasa Ayamas Sdn .Bhd kerana telah banyak memberikan tunjuk ajar, teguran, nasihat dan memberi bimbingan yang membina sepanjang saya menjalani Latihan Industri di Rasa Ayamas cawangan Giant Batu Caves.

Saya juga mengucapkan ribuan terima kasih kepada urusetia Latihan Industri Fakulti Ekonomi dan Pengurusan Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia [KUSTEM] dalam membantu saya semasa menyempurnakan Latihan Industri ini terutamanya penyelia saya iaitu Cik Azlinzuraini Bt Ahmad, juga kepada rakan-rakan yang telah banyak mencetus idea dan pandangan yang bernas dalam proses menghasilkan buku laporan Latihan Industri ini. Kepada ibu bapa saya yang telah memberi dorongan dan semangat, hanya tuhan sahaja yang dapat membala jasa kalian semua.

Akhir kata, sekali lagi saya ingin mengucapkan berbanyak terima kasih kepada semua yang terlibat secara lansung atau tidak lansung dalam usaha menghasilkan buku Laporan Industri ini. Segala jasa baik kalian akan mendapat balasan dan dirahmati Allah S.W.T hendaknya.

Sekian, terima kasih.

ISI KANDUNGAN

PEKARA	MUKA SURAT
PRAKATA	ii
PENGHARGAAN	iv
SENARAI RAJAH	viii
SENARAI JADUAL	x
RINGKASAN EKSEKUTIF	xi

BAB 1: LATAR BELAKANG SYARIKAT

1.1 PENGENALAN	1
1.2 MAKLUMAT ORGANISASI	14
1.3 CARTA ORGANISASI	16
1.4 AKTIVITI ORGANISASI	19
1.5 KEMAHIRAN YANG INGIN DIPELAJARI	20

BAB 2: PENGENALPASTIAN MASALAH DAN CADANGAN PENYELESAIAN

2.1 JABATAN JUALAN DAN PROMOSI	22
2.1.1 Mengesan sistem sedia ada	23
2.1.2 Mengenal pasti masalah	26
2.1.3 Rumusan analisis dan perbincangan	28
2.1.4 Cadangan penyelesaian	30
2.1.5 Perlaksanaan cadangan dan implikasi	33

2.2. JABATAN OPERASI	37
2.2.1 Mengesan sistem sedia ada	37
2.2.2 Mengenal pasti masalah	40
2.2.3 Rumusan analisis dan perbincangan	42
2.2.4 Cadangan penyelesaian	43
2.2.5 Perlaksanaan cadangan dan implikasi	47
2.3. JABATAN PENGURUSAN DAN PENTADBIRAN	49
2.3.1 Mengesan sistem sedia ada	49
2.3.2 Mengenal pasti masalah	51
2.3.3 Rumusan analisis dan perbincangan	53
2.3.4 Cadangan penyelesaian	54
2.3.5 Perlaksanaan cadangan dan implikasi	60
PENUTUP	62
RUJUKAN	63
LAMPIRAN	64

SENARAI RAJAH**MUKA SURAT**

Rajah 1.1	Logo Rasa Ayamas	3
Rajah 1.2	Cawangan Rasa Ayamas di Semenanjung Malaysia	6
Rajah 1.3	Carta Organisasi Rasa Ayamas	16
Rajah 2.1	Carta Aliran Proses Promosi	24
Rajah 2.2	Carta Aliran Proses Merekod MRD	39
Rajah 2.2.1	Aliran proses Merekod MRD Mengikut Jabatan	45
Rajah 2.3	Skala Syif Bagi Jabatan Buzzer dan Server	56
Rajah 2.3.1	Skala Syif Bagi Jabatan Juruwang dan Penyediaan masakan	58

SENARAI LAMPIRAN

- A. BORANG KAJI SELIDIK**
- B. RISALAH PROMOSI AYAMAS DONDANG SAYANG**
- C. KELULUSAN PRODUK AYAMAS DARI JAKIM DAN VETERINARY INSPECTED**
- D. KUPON PROMOSI**
- E. PRODUK AYAMAS**
- F. RASA AYAMAS QA CHECKLIST**
- G. KURSUS LATIHAN PENGENDALIAN MAKANAN**
- H. CUSTOMER SALES & SERVICE WORKSHOP**

SENARAI JADUAL

MUKA SURAT

Jadual 1 Jadual Syif Permulaan Kerja

50

RINGKASAN EKSEKUTIF

Objektif laporan ini adalah untuk mengenal pasti beberapa sistem yang sedia ada di Rasa Ayamas Giant Batu Caves dan untuk memastikan segala permasalahan yang timbul dapat diselesaikan dengan baik. Diharap pihak Rasa Ayamas Sdn.Bhd dapat mengenalpasti, menilai, mengurus dan mengawal segala risiko dan kemungkinan yang berlaku dalam organisasi Rasa Ayamas Sdn. Bhd melalui maklumat-maklumat yang berkaitan dengan organisasi. Segala permasalahan yang dianalisa adalah daripada Jabatan Pengurusan, Jabatan Jualan dan Promosi dan Jabatan Operasi.

Fokus utama dalam laporan ini adalah pengenalan kepada organisasi, maklumat organisasi, carta organisasi, aktiviti utama organisasi dan kemahiran yang ingin dipelajari seterusnya kepada mengesan sistem yang sedia ada, pengenalpastian masalah, cadangan penyelesaian masalah serta perlaksanaan cadangan dan implikasinya.

Masalah yang ditemui di Jabatan Pemasaran ialah promosi yang dijalankan tidak meluas berikutan kekurangan alat promosi. Keadaan ini menyukarkan pasaran Ayamas untuk terus bersaing memandangkan maklumat promosi tidak sampai kepada masyarakat. Untuk menangani masalah ini pemilihan medium pengiklanan yang sesuai perlu ditekankan.

Masalah kedua pula, ditemui dari Jabatan Operasi di mana masalah yang dihadapi adalah dari sistem MRD (date of manufacturer, date of received, date of dead). Masalah berlaku apabila sebilangan pekerja tidak begitu mahir dalam merekod sistem ini. Cadangan untuk menyelesaikan masalah ini adalah dengan menggunakan pengkhususan dari setiap jabatan dalam merekod sistem ini.

Masalah ketiga ditemui dari Jabatan Pengurusan dan Pentadbiran. Masalah yang dihadapi adalah berpuncu dari sistem syif yang tidak sistematik. Sistem ini kerap menimbulkan masalah kepada organisasi dan sedikit sebanyak kepada pekerja. Bagi menyelesaikan masalah ini cadangan mewujudkan satu skala jadual yang sistematik diharap dapat membantu menyelesaikan masalah ini.

Semasa menjalani Latihan Industri ini, saya telah ditempatkan di Jabatan operasi, di mana jabatan ini memainkan peranan penting dalam memastikan segala proses perniagaan berjalan lancar. Dalam laporan ini, keseluruhan gambaran dapat dijelaskan dengan lebih terperinci melalui sistem-sistem yang sedia yang dapat dikesan oleh pelatih di Rasa Ayamas Sdn.Bhd.

Akhir kata, laporan ini diharapkan dapat dijadikan bahan atau sumber rujukan kepada pihak pengurusan Ayamas Food Corporation Sdn.Bhd dalam memastikan proses penilaian sistem yang sedia ada di Rasa Ayamas Food corporations dapat dilakukan dengan lebih berkesan dan efektif.